

KUALA LUMPUR, 24 NOV. (BERNAMA) - UMAT ISLAM HARI INI DI'SERU SUPAYA MENGAMALKAN AJARAN ISLAM YANG SEBENARNYA UNTUK MENGHIDUPKAN SEMULA ZAMAN KEGEMILANGAN ISLAM YANG LALU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG MEMBUAT SERUAN ITU BERKATA ORANG-ORANG ISLAM DEWASA INI LEMAH KERANA KESILAPAN MEREKA SENDIRI, TIDAK MENGANUTI AJARAN SEBENARNYA AGAMA MEREKA.

KERANA KELEMAHAN-KELEMAHAN INI KATANYA LAGI ORANG-ORANG ISLAM TERPAKSA MEMINTA BANTUAN MALAH UNTUK MEMPERTAHANKAN ISLAM.

PERDANA MENTERI BERUCAP MERASMIKAN PERSIDANGAN ISLAM ANTARA BANGSA SEMPERA KETIBAAN KURUN KE-15 HIJRAH YANG DISERTAI OLEH 400 ORANG DARI 40 BUAH NEGARA ISLAM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TUHAN YANG MAHA MENGETAHUI TELAH MENGURNIAKAN ORANG-ORANG ISLAM DENGAN KEKAYAAN YANG TIDAK TERKIRA.

TETAPI SEBALIKNYA KITA BUKANNYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGEMBALIKAN KEKUATAN KITA, MALAH KITA MEMPERAIDKANNYA DENGAN BENDA-BENDA KEMEWAHAN YANG TIDAK PERLU DAN BERSINGKETA PULA TENTANG RAK MENGGUNAKAN KEKAYAAN-KEKAYAAN ITU, + TEGASNYA.

---BERSAMBUNG 1305/HM

39.1
MAHATHIR - ISLAM 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA WALAUPUN ALLAH TELAH MEMBERIKAN RAZKI YANG MELEMPAH NAMUN ORANG-ORANG ISLAM MASIH BERGANTUNG KEPADA ORANG LAIN UNTUK KEHIDUPAN DAN KESELAMATAN MEREKA.

BELIAU MENGINGATKAN PARA PESERTA PERSIDANGAN ITU: +KITA TIDAK BERHAK MENGANGGAP BAHAWA ALLAH MENGURNIAKAN KITA SESUATU HANYA KERANA KITA ADALAH PENGIKUT AGAMA YANG SEBENAR DAN SENTIASA BERIBADAH.+

+UNTUK MEMINTA TUHAN MENOLONG KITA KITA SEHARUSNYA BERUSAHA MENOLONG DIRI SENDIRI DENGAN TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA JIKA ALLAH MAHUKAN DEMI-KIAN TENTULAH SEROK DARI MASA-MASA MEMELUK AGAMA ISLAM, TETAPI IA MENYURUH MUHAMAD S.A.W. DAN MELAKUKAN FIRMANNYA DAN MENUNJUKKAN HUR DAN MUHAMAD LAIN TERSEBUT BERUSAHA MENGAJARKAN ISLAM SELAMA 23 TAHUN SEBELUM TUHAN BERBUKTI BAHAWA ISLAM ALAH YANG SEBENARNYA AGAMA YANG SATU.

+JIKA MUHAMAD PESURUH ALLAH SENDIRI TERPAKSA BERUSAHA, KITA DENGAN SEGALA KELEMAHAN DAN KESILAPAN KITA HARUSLAH BERUSAHA LEBIH KERAS.

+IBADAH TIDAK BERERTI MELAKUKAN SEGALA FARDU AINNYA SAJA. DALAM ISLAM SEMUANYA YANG KITA LAKUKAN UNTUK ISLAM IALAH IBADAH, + TEGASNYA. ---BERSAMBUNG 1310/HM

MAHATHIR-ISLAM 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA Mencari pengetahuan, sedia bekerja keras dan berdisiplin semuanya adalah ibadah dalam Islam kerana ia memberikan kekuatan dan keselamatan kepada orang-orang Islam dan agama itu sendiri.

MENYENTUH TENTANG HIJRAH - PERMULAAN ERA ISLAM -- BELIAU BERKATA HIJRAH MERUPAKAN TITIK-TOLAK KEPADA AGAMA ISLAM YANG SEBELUM-NYA TERBATAS KEPADA BEBERAPA ORANG DI MEKAH SEHINGGA IA MENJADI AGAMA 900 JUTA UMAT DUNIA HARI INI.

ADA PELAJARAN YANG BOLEH DIDAPATI DARI HIJRAH, KATANYA, KERANA IA MENGAJAR ORANG ISLAM BAGAIMANA RASULULLAH BERTAHAN DAN MENGEMBANGKAN AJARAN TUHAN.

ISLAM TEGASNYA TIDAK DIKEMBANGKAN DENGAN +MENGHANTUKKAN KEPADA KE TEMBOK+, DENGAN KEDEGILAN DAN KEDUNGGUAN DAN SUDAH TENTU TIDAK DENGAN KETAKBURAN DAN KEKERASAN.

+ISLAM DIKEMBANGKAN DENGAN KEBIJAKSANAAN DAN STRATIGI, KEBIJAKSANAAN MENGETAHUI DAN MENYEDARI AKAN KELEMAHAN SENDIRI DAN JUGA AKAN KEKUATAN KITA.

+DAN SETELAH MENGETAHUI INI SEMUA, KITA MERANCANG STRATIGI KITA KERANA YANG LEMAH HARI INI MUNGKIN MENJADI SATU KEKUATAN HARU ESUK, + TEGASNYA.--BERSAMBUNG 1327/HM

MAHATHIR-ISLAM 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA HIJRAH TELAH DAPAT MEMBERI ILHAM DAN SEMANGAT KEPADA RAMAI UMAT ISLAM TERMASUK MENOLONG MEREKA MENGHARUNGI HIDUP DI SAAT-SAAT GENTING.

BELIAU BERHARAP HIJRAH AKAN MEMBAWA ERTI KEPADA SEMUA UMAT ISLAM SAMADA MENGHADAPI KETEWASAN ATAU KEMENANGAN KERANA +TIDAK ADA RUANG UNTUK PUTUS ASA KERANA ALLAH SENTIASA DI SISI KITA+.

PERDANA MENTERI BERKATA SIDANG ITU TALAH UNTUK MENGAJI
SEGALA MASALAH YANG DIHADAPI OLEH UMAT ISLAM UNTUK MENJUNJUNG
AJARAN DAN AMALAN ISLAM.

BELIAU MENEGASKAN KETIKA ISLAM DALAM ZAMAN KEGEMILANGAN,
TAMADUN BERMAKNA ISLAM DAN TIDAK LAIN DARIPADA ITU SEMENTARA
YANG LAIN BERADA DALAM KECELAPAN APABILA AJARAN-AJARAN ISLAM
MENINGGIKAN DARJAT MANUSIA MELEBIH ZAMAN JAHILIAH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ADALAH MENYEDHEKAN KERANA INI
TIDAK LAGI BENAR KERANA ISLAM BERPECAH DAN SEMUA HARTA MEREKA
DIRAMPAS DARIPADA MEREKA DAN UMAT ISLAM MENJADI GOLONGAN YANG
PALING MISKIN DAN MENGHARAPKAN KEPADA ORANG LAIN. --BERSAMBUNG

1445/MD

B544

MAHATHIR-ISLAM 5 KUALA LUMPUR

TAMBAHNYA, KEMUNDURAN UMAT ISLAM TIDAK BOLEH DIPERSALAHKAN
KEPADA ORANG LAIN TETAPI +KITA SENDIRI YANG PERLU DIPERSALAHKAN+.

MENURUTNYA, JIKA UMAT ISLAM JUJUR KEPADA DIRI SENDIRI DAN KEPADA
ISLAM MAKA-MEREKA HENDAKLAH MENGAKUI BAHAWA APA YANG
TERJADI KEPADA MEREKA BERPUNCA DARIPADA MEREKA SENDIRI SAMA
SEPERTI ZAMAN KEGEMILANGAN ISLAM TALAH KERANA UMAT ISLAM
MENGAMAL AJARAN-AJARAN ISLAM YANG BETUL.

SEBAGAI CONTOH, KATANYA, APABILA ISLAM MENYERU UMATNYA
MENCARI ILMU +KITA MEMILIH UNTUK MEMECAHKAN PENGETAHUAN KEPADA
ROHANI DAN JASMANI DAN KITA TOLAK APA YANG KITA SEBUT SEBAGAI
PENGETAHUAN JASMANI+.

+APABILA ISLAM MENYERU KITA MELENGKAPI DAN MEMPERTAHKAN
DIRI, KITA TIDAK MENGINDAHKAN HAKIKATNYA BAHAWA DALAM PEPERANGAN
KUDA, UNTA DAN PEDANG TIDAK SELALU BOLEH DIGUNAKAN KERANA SENJATA-
SENJATA JENIS BARU DIPERLUKAN MAKA KERANA ITU KITA TEWAS.

+APABILA ISLAM MENYERU KITA SUPAYA BERTOLAK ANSUR KITA
MEMILIH MENJADI BONGKAK DAN MEMAKSANYA KEPADA ORANG LAIN WALAUPUN
KITA TIDAK MEMPUNYAI KUASA BERBUAT DEMIKIAN+. --BERSAMBUNG

1450/MD

MAHATHIR-ISLAM 6 KUALA LUMPUR

+APABILA ISLAM MEMBENARKAN AGIHAN HARTA DAN BAHAWA
PEMBERIAN ADALAH LEBIH BAIK DARIPADA MENERIMA, KITA MEMILIH
MENAGUNG-AGUNGAN KEMISKINAN DAN MENGHORMATI MEREKA YANG MEMINTA
SEDEKAH DARIPADA ORANG LAIN+, TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KESAL KERANA TERDAPAT BEBERAPA
PERKARA LAIN YANG UMAT ISLAM MELAKU DAN MENGAMALKANYA YANG
BERTENTANGAN BUKAN SAHAJA DARIPADA AJARAN ISLAM BAHKAN DARI SEGI
ROHANI.

BELIAU MENEGASKAN KERANA KESILAPAN-KESILAPAN ITULAH MENYE-
BABKAN UMAT ISLAM LEMAH. --BERNAMA 1455/MD